

PAS perlu keluar dari 'kepompong pembangkang yang hanya tahu membangkang', kata Nasrudin
The Malaysian Insider
21 Februari , 2012
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 21 Feb — Ketua Dewan Pemuda PAS pusat Nasrudin Hassan berkata menuju cabaran 10 tahun akan datang parti itu perlu menumpukan perhatian kepada dua skim kualiti bagi menjamin masa depan yang baik selain perlu keluar dari "kepompong pembangkang yang hanya tahu membangkang."

Selain itu, kata beliau, PAS juga perlu perhatian kepada polisi urus tadbir kerajaan sebagai persediaan awal untuk menjadi kuasa pemerintahan negara.

"Menuju cabaran 10 tahun akan datang, PAS perlu menumpukan kepada dua skim kualiti. Pertama kualiti pada figure sama ada anggota atau pemimpin yang mampu serta layak menyandang amanah di mana posisi ia ditugaskan. Bukan figure yang hanya melakar publisiti melalui kepetahan berpidato tetapi lemah dalam tindakan.

"Kedua ialah kualiti pada organisasi dan penstrukturannya agar dilihat lebih kemas, sistematik dan menepati piawaian sebuah organisasi moden yang mampu menangani saingan gerakan semasa," katanya dalam satu kenyataan.

Nasrudin (gambar) menambah parti Islam pimpinan Datuk Seri Abdul Hadi Awang perlu mempersiapkan diri untuk menjadi kerajaan dan keluar dari "politik membangkang."

"Sebagai sebuah gerakan Islam, PAS adalah alternatif untuk menggagas masa depan negara yang sejahtera, menepati sebuah pemerintahan urus tadbir yang baik, bebas korupsi dan diredhai oleh Allah. Menyedari harapan ini, PAS sebagai sebuah wadah perjuangan umah mesti dipersiapkan agar hadir dan tampilnya menepati tuntutan semasa.

"PAS selayaknya mula menguasai polisi ke arah mempersiapkan dirinya untuk menjadi kerajaan yang mengurus tadbir negara, bukan lagi terjerat dalam kelompok pembangkang yang hanya tahu membangkang tanpa solusi yang efektif,"katanya.

Jelas beliau, bermula dari sekarang PAS perlu menyusun barisan kepimpinan parti yang layak untuk menerajui pentabdiran negara.

"Bermula dengan menyusun saf kepimpinan parti yang terdiri dari kalangan figure mampu dan layak menggalas amanah kepimpinan, bukan sahaja kepimpinan parti tetapi juga kepimpinan negara.

"Andai sukar untuk memiliki figure kepimpinan sedemikian, mungkin juga boleh mengambil kaedah barisan kepimpinan, iaitu kepimpinan yang mengurus parti dan satu lagi ialah kepimpinan yang mengurus negara. Namun kedua-dua barisan kepimpinan ini berada di dalam satu majlis pemesyuaratan parti," katanya.

Jelas Nasrudin, untuk menjadi parti yang lebih matang parti Islam itu perlu bijak untuk menguruskan segala masalah atau konflik yang berlaku selain tidak melayan perkara yang remeh-temeh.

"Usaha pengkaderan mesti kemas dan diberi perhatian utama oleh parti untuk melahirkan anggota dan kepimpinan parti yang komited dengan dasar perjuangan sekaligus mampu mendokong aspirasi parti.

"Parti mesti bijak serta pantas mengurus masaalah, konflik dan tekanan agar tidak membuang terlalu banyak masa melayan karenah masaalah atau konflik yang timbul sedang perkara fundamental seperti melahirkan anggota dan kepimpinan parti yang berkualiti tinggi terabai," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-perlu-keluar-dari-kepompong-pembang-kang-yang-hanya-tahu-membang-kang-kata-nasrudin/>